



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 21 FEBRUARI 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MALAYSIA SEDIA KONGSI PENGETAHUAN, TEKNOLOGI AKUAKULTUR DENGAN NEGARA LUAR, NASIONAL, SH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KONGSI PENGETAHUAN, TEKNOLOGI DALAM BIDANG AKUAKULTUR, NEGARA, KOSMO -5	
3.	MALAYSIA CADANG TEMBUS PASARAN KANADA, NASIONAL, SH -12	
4.	PMR PERKUKUH HUBUNGAN RAKYAT-KERAJAAN, NASIONAL, SH -11	
5.	KARTEL: LETAK URUSAN BERAS BAWAH JPM, DALAM NEGERI, UM -5	
6.	JADIKAN BERAS TEMPATAN SEBAGAI BERAS MADANI, DALAM NEGERI, UM -5	
7.	MYCC SEDIA SIASAT JIKA WUJUD AKTIVITI KARTEL BERAS-ARMIZAN, NASIONAL SH -9	
8.	BERAS MADANI BERI IMPAK KENAIKAN HARGA MAKANAN, NEGARA, KOSMO -16	
9.	KPDN SEDIA SIASAT DAKWAAN JIKA BENAR WUJUD KARTEL BERAS, LOKAL, HM -6	
10.	UDANG GALAH 'MABUK' AKIBAT DITUBA?, DALAM NEGERI, UM -30	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11.	PENYU AGAR BETINA DITEMUI MATI DI PANTAI CHE WAN, LOKAL, HM -7	
12.	PENYU AGAR BETINA MATI TERDAMPAR DI PANTAI CHE WAN, NEGERI TERENGGANU, SH -25	
13.	'HASIL 30,000 TAN METRIK BENIH PADI', NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
14.	PESAWAH BAKAR PADI, LOKAL, HM -10	
15.	RAMPAS DAGING BABI RM2.7 JUTA, LOKAL, HM -5	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
16.	RISIKO MASALAH KESIHATAN JIKA GUNA AIR TERCEMAR, NASIONAL, SH -10	LAIN-LAIN
17.	CUACA PANAS: HASIL HARUMANIS DIJANGKA MENINGKAT, NASIONAL, SH -10	
18.	PANAS 'LIT-LIT', LOKAL, HM -11	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

21/2/2024

SINAR
HARIAN

NASIONAL

8

Malaysia sedia kongsi pengetahuan, teknologi akuakultur dengan negara luar

FOTO: FACEBOOK MOHAMAD SABU



Mohamad mengadakan pertemuan dengan Qu Dongyu di Sri Lanka pada Selasa.

KUALA LUMPUR - Malaysia sedia berkongsi pengetahuan serta teknologi berkaitan bidang akuakultur dengan negara luar untuk ketinggian bersama.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, kesediaan dan komitmen Malaysia itu dimaklumkan kepada Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Qu Dongyu ketika sesi perbincangan dua hala mereka pada Mesyuarat *Regional Conference for Asia and the Pacific* (APRC) FAO di Sri Lanka.

"Industri akuakultur di Malaysia merupakan industri yang berkembang pesat dengan prestasi

pengeluaran yang amat baik," katanya dalam hantaran di Facebook beliau pada Selasa.

Menurut Mohamad, kolaborasi antarabangsa penting bagi memastikan pertanian negara tidak ketinggalan dalam arus perkembangan teknologi serta mendepani cabaran perubahan cuaca ketika ini.

Mohamad berkata, beliau turut berkongsi dengan Qu Dongyu berkenaan inisiatif pertanian Pintar Malaysia.

Mengenai mesyuarat FAO yang sedang berlangsung di Colombo itu, Mohamad berkata, fokus diberikan kepada perkara-perkara yang akan diutamakan dalam sektor pertanian di Malaysia. - *Bernama*

Kongsi pengetahuan, teknologi dalam bidang akuakultur

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memaklumkan Malaysia sedia berkongsi pengetahuan dan teknologi dalam bidang akuakultur di peringkat antarabangsa.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, komitmen itu dizahirkan selepas mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Qu Dongyu.

Katanya, pertemuan dua hala itu diadakan sempena Mesyuarat Regional Conference for Asia and the Pacific (APRC) FAO di Sri Lanka.

"Industri akuakultur di Malaysia merupakan industri yang berkembang pesat dengan prestasi pengeluaran yang amat baik.

"Inisiatif Pintar (Pelaksa-

naan Dan Pembudayaan Inovasi Nasional Keterjaminan Agro-makanan Rakyat) yang telah saya gariskan sewaktu Majlis Amanat 2024 pada Januari lalu juga turut saya kongsiikan bersama TYT Qu Dongyu," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebook semalam.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, kolaborasi di peringkat antarabangsa merupakan strategi penting yang perlu diberikan perhatian serius bagi memastikan sektor pertanian negara tidak ketinggalan.

Katanya, ini terutamanya dalam arus perkembangan teknologi bagi mendepani sebarang cabaran termasuk perubahan cuaca yang tidak menentu ketika ini.

"Esok (hari ini) saya akan memberikan Kenyataan Negara di dalam Mesyuarat Regional Conference for Asia and the Pacific (APRC)," ujarnya.



MOHAMAD (kiri) mengadakan pertemuan dengan Qu Dongyu di Sri Lanka semalam.

21/2/2024

SINAR
HARIAN

NASIONAL

12

Malaysia cadang tembus pasaran Kanada

PUTRAJAYA - Malaysia bercadang untuk mengeksport buah-buahan tropika tempatan ke pasaran antarabangsa khususnya Kanada.

Hasrat itu dinyatakan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup kepada Menteri Pertanian dan Agri-Makanan Kanada, Lawrence MacAulay dalam pertemuan yang berlangsung di Putrajaya pada Selasa.

Kementerian itu dalam kenyataan memaklumkan, pertemuan kali pertama kedua-dua pemimpin berkenaan turut membincangkan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian dan keterjaminan makanan.

"Selain itu mereka turut menyatakan komitmen mengukuhkan kerjasama dalam sektor pertanian, perikanan dan ternakan serta mengalu-alukan kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan dan pembangunan pertanian.

"Timbalan Menteri juga telah memperkenalkan produk pertanian Malaysia yang berkualiti seperti nanas dan menyatakan hasrat untuk meng-eksport buah-buahan tropika tempatan ke pasaran negara berkenaan," menurut kenyataan itu pada Selasa.

Pertemuan tersebut turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Azah Hanim Ahmad; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), Dr Akma Ngah Hamid serta pegawai-pegawai kanan KPKM serta jabatan dan agensi



Arthur (kiri) bersama Lawrence ketika pertemuan di Putrajaya pada Selasa.

di bawah Kementerian.

Ketika pertemuan tersebut, Arthur turut menjemput Lawrence ke Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (MAHA) 2024 yang dijadualkan berlangsung pada 11 hingga 22 September ini.

Selain itu beliau mempelawa penyertaan pihak Kanada dalam acara dwitahunan itu.

"Timbalan Menteri turut menyampaikan ucapan tahniah kepada Kanada yang mengambil giliran jawatan Pengurusan Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP) bagi tahun 2024," menurutnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/2/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Kartel: Letak urusan beras bawah JPM

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofisak@indiamula.com.my

KUANTAN: Kerajaan perlu kembali mengawal selia urusan beras negara seperti mana Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) yang dimansuhkan pada 1996 bagi memerangi isu kartel yang mensabotaj bekalan makanan ruiji itu sehingga membebankan rakyat.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim), Ismail Awang berkata, urusan itu boleh diletakkan terus di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan melantik seorang pengerusi manakala ahli lembaganya dilantik dalam kalangan pemain industri beras negara.

Menurutnya, pendekatan tersebut lebih baik dalam menyelesaikan isu kartel berbanding cadangan mewujudkan beras putih Malaysia Madani yang masih belum jelas pelaksanaannya.

"Apabila ada kekurangan dalam isu beras umpamanya keperluan beras import, libat urus kerajaan kepada kerajaan (G2G) dengan negara pembekal boleh diuruskan oleh kerajaan sendiri.

"Segala urusan akan ditentukan oleh kerajaan sendiri sepertimana LPN dahulu. Jika kerajaan hendak wujudkan Majlis Padi dan Beras Negara (MAPEN), kaedah operasinya sama seperti LPN dahulu, cuma mungkin pendekatan berbeza disebabkan keadaan semasa," katanya di sini semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dilaporkan sebagai berkata, cadangan mewujudkan beras putih Malaysia Madani akan membantu negara memerangi tindak tanduk kartel dalam industri tersebut.

Pada 14 Februari lalu, Pengerusi Majlis Tindakan Sara Hidup (Nac-

col), Datuk Seri Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mengumumkan kerajaan memperkenalkan beras putih Malaysia Madani yang akan dijual dengan harga RM30 bagi kampil 10 kilogram bermula 19 Februari ini.

Syed Abu Husin dilaporkan berkata, ekoran itu kategori beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSI) dimansuhkan.

Mengulas lanjut, Ismail berkata, cadangan mewujudkan satu gred Beras Putih Malaysia Madani yang dijual dengan harga RM30 bagi kampil 10 kilogram memerlukan kajian terperinci supaya rakyat tidak terbeban dan benar-benar mendapat manfaat daripada pelaksanaannya.

"Terdapat beberapa faktor perlu diambil kira jika kerajaan hendak memperkenalkan beras putih Madani. Pertama, apakah jenis gred itu dan kategori apa? Adakah mahu tetapkan beras import atau beras tempatan.

"Kedua, jika mahu tetapkan beras import, siapa nak tanggung kos lebihan kerana beras putih import 10 kilogram berharga RM32, bermakna lebihan RM2 siapa nak tanggung kecuali kerajaan bagi subsidi satu kilogram RM5, ia boleh dilaksanakan.

"Ketiga, jika beras madani ditetapkan beras tempatan, mana mungkin boleh jual RM30 sedangkan harga sekarang RM26 untuk kampil 10 kilogram. Sudah tentu rakyat marah kepada kerajaan," katanya.

Beliau berkata, jika hendak tetapkan beras campur bersama beras tempatan dan beras import, ia menyalahi Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

Beliau dalam pada itu berkata, isu beras memerlukan kajian mendalam dan mematuhi peraturan ditetapkan.

Jadikan beras tempatan sebagai beras Madani

KOTA BHARU: Kerajaan perlu menjadikan beras tempatan sebagai bahan utama untuk beras Madani yang dilihat mampu mewujudkan situasi menanganemang kepada seluruh rantaian pemain industri bermula dari petani dan pengulang sehingga pengguna.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kang-

kong yang mempunyai kilang padi dan beras, Datuk Aimi Jusoh berkata, langkah itu dilihat mampu melonjakkan lagi perkembangan industri padi serta beras negara pada masa hadapan.

Menurutnya, sudah tiba masanya beras tempatan diberikan peluang kerana kualiti ketika ini dilihat sudah setanding dengan beras import.

"Apabila industri beras negara pesat berkembang, ia satu perkara yang baik dalam mengukuhkan ketenteraman makanan negara sebagaimana diperjuangkan oleh kerajaan ketika ini.

"Saya lihat, inilah kesempatan terbaik buat kerajaan membantu seluruh rantaian padi dan beras negara, tidak terkecuali pengguna yang dapat menikmati

beras pada harga mampu milik," katanya.

Aimi yang juga Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Kelantan memberitahu, beliau bimbang jika beras Madani menggunakan campuran tempatan dan import ia dilihat boleh 'membunuh' industri padi serta beras negara.

Katanya, oleh itu satu kajian secara menyeluruh perlu

dilakukan oleh kerajaan dalam melihat mekanisme terbaik dalam memastikan seluruh rantaian termasuk rakyat mendapat manfaat pelaksanaan beras Madani.

Aimi berkata, pihaknya sentiasa menyokong penuh segala usaha kerajaan dalam membela rakyat menerusi pelbagai langkah yang sedang dijalankan ketika ini.

MYCC sedia siasat jika wujud aktiviti kartel beras - Armizan

PUTRAJAYA - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan akan menjalankan siasatan sekiranya terbukti wujud aktiviti kartel dalam industri padi dan beras negara.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali berkata, Suruhanjaya Pesaingan Malaysia (MyCC) sentiasa terbuka untuk mengambil tindakan sewajarnya jika maklumat berkaitan perkara itu dapat disalurkan.

“Sejak berkuat kuasa Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, bidang kuasa kawal selia berkaitan industri padi dan beras terletak di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).”

“Namun, jika ada isu yang disebut mengenai kartel beras ini, KPDN khususnya MyCC, kita terbuka sekiranya KPKM atau pihak tertentu ada maklumat, boleh



Sejak berkuat kuasa Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, bidang kuasa kawal selia berkaitan industri padi dan beras terletak di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).”

- Armizan



salurkannya kepada MyCC,” katanya kepada pemberita pada Selasa.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa cadangan pelaksanaan beras putih Malaysia Madani mampu mengekang industri beras negara daripada kawalan pihak kartel.

Pada Isnin, Anwar berkata, cadangan melaksanakan beras putih Malaysia Madani akan diteliti dan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) Jumaat ini. - Bernama

Risiko masalah kesihatan jika guna air tercemar

Pembuangan sisa terma-kan ke dalam sungai jejas kualiti air dan udara

Oleh NOR SYAMIRA LIANA NOR ASHRAH SHAH ALAM

Penduduk tempatan yang tinggal berhampiran sungai tercemar berisiko mengalami masalah kesihatan seperti gatal kulit dan gangguan saluran pernafasan jika berdehad kepada sumber air berkenaan selain daripada bau busuk yang menyebarkan penyakit.

Fakulti Perikanan dan Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Yusoff ialah berkata, ia disebabkan bahan buangan atau effluen yang disalurkan terus ke sungai telah menimbulkan masalah kesihatan.

"Masalah ini bukan sahaja pencemaran air yang menjelaskan kesihatan manusia malah memberi kesan kepada haiwan dan tumbuhan sekeliling serta turut melibatkan pencemaran udara melalui bau busuk. Bagi haiwan akuatik terutamanya, kehadiran bahan buangan dalam air akan mengganggu pada garisan makanan. Ini akan seterusnya mendorong kepada kemerosotan biodiversiti dan kerosakan habitat secara kekal."

"Seterusnya, risiko lanjut adalah terhadap terutamanya disahkan penduduk akan hidup terutamanya disahkan penduduk akan



MOHD YUSOFF

nakan tinggi dengan kandungan logam berat dan sebatian organik beracun. "Pencemaran air perlu dirawat dengan sempurna dan jika tidak logam berat ini akan kekal tertang dalam kitaran makanan. "Sekiranya kita makan ikan atau tumbuhan akuatik ia akan dipindahkan ke dalam tubuh badan kita dan seterusnya, masalah dalam jangka masa panjang," ubah-

Mohd Yusoff turut menegaskan bahawa usaha perusaha- an yang berkaitan perlu lebih bertanggungjawab terhadap masyarakat setempat dan alam sekitar dalam menjalankan aktiviti perniagaan mereka.



Tindakan lebih tegas kepada pencemar



Bekas baki tegi dari ladang jitt

Laporan Sinar Harian pada Selasa.

Penduduk tidak perlu bimbang - Exco

BUKIT MERTAJAM - Pencemaran Sungai Kulim dan Sungai Air Merah, Kedah akibat pelepasan sisa terma-kan di perkampungan Sungai Lembu di sini tidak memberi kesan secara langsung kepada penduduk sekitar. Exco Perikanan, Perikanan dan Ketahanan Makanan dan Pembangunan Koperasi Pulau Pinang, Fahmi Zaidi berkata, kawasan pencemaran yang dikesan ber-

lejak sejauh 14 kilometer dengan Loji Rawatan Air Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang.

"Memang terdapat pencemaran air mengenai sisa terma-kan, namun ia tidak memberi kesan kepada penduduk yang tinggal di kedua-dua negeri Pulau Pinang dan Kedah," katanya.

Juvenil, beliau menyenaraikan awam tidak bhuatir dengan keberstahan air itu.

Cuaca panas: Hasil harumanis dijangka meningkat



Pengeluaran mangga harumanis tahun ini di Perlis dijangka meningkat.

KANGAR - Pengeluaran mangga harumanis pada tahun ini dijangka meningkat berbanding tahun lalu berikutan cuaca panas yang melanda utara Semenanjung ketika ini.

Exco Perikanan, Perikanan dan Industri Makanan dan Ketahanan Makanan Perlis, Razali Saad berkata, Perlis ini dilaporkan memekahkan sebanyak 1,200 tan ketika ini berbanding sebanyak 1,189 tan pada tahun lalu.

Katanya, berdasarkan prestasi semasa, 60 peratus pokok harumanis subur negeri itu mampu menghasilkan buangan hasil pada pertengahan April depan.

"Kita angka ada sedikit lagi pertambahan hasil selepas ini kerana masih terdapat pokok yang berpotensi untuk berbunga."

"Pokok tua juga masih mengeluarkan hasil pada tahun ini," katanya pada Selasa.

Menurutnya, kerajaan negeri juga berusaha mengusaha tidak mengambill kesempatan memasarkan buah berkenaan pada harga tinggi bagi meraih keuntungan berganda.

Kita jangkakan harga mangga premium ini, dengan kadar RM65 selaligam bagi 'grade A', jelasnya.

Sementara itu, pengusaha, Mohd Fawzy Rosli, 34, berkata, harumanis tahunannya kepuk dan berbunga pada tahun ini adalah pekabun masih tungggu bunga keluar masa pertengahan puasa.

"Cuaca panas ini bantu hasilkan buah harumanis lagi manis dan sedap, tapi dalam masa Auto trip," ujarnya.

Loji baharu PPN Perak tunggu kuota daripada pihak kawal selia

'Hasil 30,000 tan metrik benih padi'

Oleh WAT KAMAL ABAS

BAGAN SERAI — Sebanyak 30,000 tan metrik benih padi dijangka dapat dihasilkan di loji benih padi Pertanian Peladang Negeri (PPN) Perak di Sungai Jima, Perit Buntar, di sini pada minggu hadapan.

Pensyarah Abi Lembaga Pengarah PPN Perak, Datuk Shari Mar Sabat berkata, meskipun buaii sebarang bekuan lagi dipaparkan, namun dengan penguncupan loji benih padi, PPN Perak mampu menghasilkan benih padi dalam kuantiti disasarkan berkenaan.

"Kita sememangnya sedang menunggu kuota benih padi daripada pihak kawal selia untuk dapat menghasilkan loji yang sepenuhnya baik hasil nanti."

"Bagitupun, saya telah berunding dengan Ketua Pengarah Kowal Selia agar sekiranya kiranya mendapat kuota bagi membekalkan kepada negeri ini, bermaksud negeri yang bertani."



SHAM (dua dari kanan) beramah mesra dengan seorang murid penerima bawar di Bagan Serai semalam.

dan pejabat di Pejabat Kemajuan Bagan Serai di sini semalam.

Meskipun Shari, loji benih PPN Perak itu diwujudkan bertujuan bagi meningkatkan benih padi yang bermutu dan mempunyai nilai peragasan perikanan yang tinggi. Beliau berkata, PPN Perak membantu para pesiswahi khu-

masuk benih padi dihasilkan. Beliau berkata, "Saban tahun, kita menerima sebagai rancangan daripada pihak swasta tentang loji benih padi yang lebih tidak berkualiti tinggi. Jika ada pesiswahi yang mahu membina loji benih padi, itu tidak mungkin."

Jajanya, ladang benih padi juga akan ditambah daripada yang sedia ada supaya bekalan benih padi mencukupi untuk loji baharu. Beliau berkata, "Kita juga mengahiri laporan kepada saya mengatakan mereka sedang melakukan perancangan untuk mengenal pasti kawasan untuk dibina ladang benih tarikh."

Di Kertan Hill, padi padi sedang dipanen. Beliau berkata, "Kita akan mencari lagi petak sawah padi di Alor Pongat untuk tambah kapasiti bagi membekalkan padi kepada loji benih. Kita akan amali padi padi lain. Kita akan amali padi padi lain. Kita akan amali padi padi lain."

min." tambahnya.

Beras Madani beri impak kenaikan harga makanan

JOHOR BAHRU — Hasil memperkenalan beras putih Madani Murni diluar akan memberi impak kepada kenaikan kos sara hidup rakyat, selain berlaku kenaikan harga makanan.

Yang di-Pertua Majlis Tindakan Pengusaha Negara (MTPN) Negeri Johor, Noriman Kari berkata, "Madani itu lebih kepada perkhidmatan, semasa sahaja dengan harga baharu yang lebih tinggi berbanding harga beras tempatan."

Beliau berkata, beras Madani dengan harga RM2.00 bagi 10 kilogram sepatutnya mempunyai harga yang lebih tinggi berbanding beras tempatan RM2.00 dengan kadar kenaikan beras tempatan sekitar RM1.50.

"Kenaikan harga beras memberi impak besar terhadap kos sara hidup rakyat, apabila harga beras meningkat, ini menyebabkan kuasa beli pengeluar dan pengguna beras berkurangan dan perkhidmatan lain."

"Kenaikan harga beras juga boleh memberi kesan domino dalam masyarakat, kerana harga barang-baru akan meningkat dalam pengeluaran



NOORMAN (kanan) menyampaikan sifir kepada peserta program Grand Food Fest di Johor Bahru Kelembah.

Madani dan makanan lain. Beliau berkata, "Kenaikan harga beras juga memberi impak kepada harga barang-baru dan perkhidmatan lain."

"Jika petani terpaksa membayar lebih untuk beras, maka harga makanan akan meningkat. Kita perlu menjaga, susu atau telur," katanya.

Beliau berkata, PPN Perak membantu para pesiswahi khu-

21/2/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

6

KPDN sedia siasat dakwaan jika benar wujud kartel beras

Putrajaya: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan sedia menyiasat jika terbukti wujud aktiviti kartel dalam industri padi dan beras negara.

Menterinya, Datuk Mohd Armizan Ali berkata, pihaknya menerusi Suruhanjaya Persaingan (MyCC) sentiasa terbuka mengambil tindakan jika Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) atau mana-mana pihak ada maklumat berkaitan hal itu.

“Sejak berkuat kuasa Akta Kawalan Padi dan Beras 1994, bidang kuasa kawal selia berkaitan industri padi dan beras terletak di bawah KPKM.

“Namun jika ada isu mengenai kartel beras ini, KPDN khususnya MyCC, kita terbuka sekiranya KPKM atau pihak tertentu ada maklumat, boleh sahkan kepada MyCC,” ka-

tanya, semalam.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa cadangan pelaksanaan beras putih Malaysia Madani, mampu mengekang industri beras negara daripada kawalan pihak kartel.

Perdana Menteri semalam, menegaskan cadangan melaksana beras putih Malaysia Madani, mampu mengekang industri beras negara dari kawalan pihak kartel.

Sehingga kini,

kata beliau, kerajaan belum memuktamadkan pelaksananya.

annya cadangan berkenaan.

Bagaimanapun beliau berkata, cadangan itu diteliti dan dibincang dalam mesyuarat Jawatankuasa Menangani Harga Makanan dan Kos Sara Hidup, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Mengulas lanjut, Mohd Armizan berkata, isu berkaitan inisiatif dan penambahbaikan serta pemodenan industri beras dan masih di bawah bidang kuasa KPKM.

“Adalah lebih baik jika

Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu menjawab isu terbabit,” katanya.

Terdahulu, Mohamad dalam

kenyataannya menjelaskan kerajaan belum memutuskan pengenalpastian gred beras putih dikenali beras putih Malaysia Madani seperti diumumkan Pengerusi NACCOL, yang juga Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal.

Pengumuman Syed Hussin berhubung penjualan beras putih Malaysia Madani berharga RM30 bagi karpit 10kg mulai 1 Mac ini, menggantikan beras putih tempatan (SST) dan beras putih import (SSI) menimbulkan persoalan ramai termasuk dalam kalangan pemain industri peruncitan.

Mesyuarat NACCOL dijadual berlangsung Jumat ini.

**Mesyuarat NACCOL
dijadual berlangung
Jumaat ini**

Rampas daging babi RM2.7 juta

Pelabuhan Klang: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 96,000 kilogram (kg) daging babi sejuk beku dianggarkan bernilai RM2.7 juta yang cuba diseludup ke negara ini.

Penahanan dibuat terhadap empat kontena di Pelabuhan Utara pada 19 Februari lalu selepas pemeriksaan maklumat.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah Norlela Ismail berkata, pemeriksaan ke atas empat kontena menemui daging babi sejuk beku diport daripada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Magsis).

"Modus operandi yang digunakan oleh pihak sindiket adalah mengikrak sebagai aksesori perabot di dalam borang manifes bagi mengelak dikesan oleh kastam.

"Nilai dagangan dianggarkan RM2.7 juta, membabitkan rampasan sebanyak 96,000 kg," katanya pada sidang media di Pejabat Kastam Selangor, Pelabuhan Utara, di sini, semalam.

Norlela berkata, siasatan lanjut mendapati kontena terabit dari Hong Kong, namun label

terdapat pada barang sejuk beku itu dari Brazil.

"Kita percaya daging babi (sejuk beku) ini cuba diseludup masuk dan kemudian dibungkus semula menggunakan pembungkusan tempatan.

"Siasatan lanjut akan dijalankan bagi mengenal pasti sama ada sindiket ini adalah sindiket sama yang membawa masuk barangan sejuk beku di Sabah," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)(a) Akta Kastam 1967.

Sementara itu, dalam serbuan berasingan, pihaknya turut merampas barangan berupa televisyen dan kipas siling termasuk cukai berjumlah RM1.1 juta.

Menurutnya, rampasan televisyen dibuat selepas pemeriksaan ke atas satu kontena di Pelabuhan

Utara dan mendapati ia tidak mempunyai kelulusan Sirim Berhad.

"Rampasan sebanyak 644 unit televisyen dengan nilai dagangan RM500,000 dilakukan. Pemeriksaan juga menda-

pari kontena disyribar-kun sebagai baruan mar-mar bagi mengelak dikesan," katanya.



NORLELA (tengah) bersama barang kes puaah sidang media di Ibu Pejabat Kastam Pelabuhan Utara, Pelabuhan Klang.

21/2/2024

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

30

Udang galah 'mabuk' akibat dituba?

Oleh **BADRUL HAFIZAN MAT ISA**
badrulisa@mediamail.com.my

PORT DICKSON: Jabatan Perikanan Negeri Sembilan menggiatkan aktiviti pemantauan dan siasatan selepas terdapat peningkatan kejadian udang galah 'mabuk' di Sungai Linggi yang didakwa berpunca daripada aktiviti menuba.

Ketua Cawangan Konservasi dan Perlindungan Perikanan Negeri Sembilan, Doreen Wee Siew Leen berkata, pihaknya mengambil serius dakwaan berkenaan dan turun padang ke tiga kawasan di sepanjang Sungai Linggi yang berlakunya kejadian udang galah 'mabuk' tersebut.

Kata beliau, tiga kawasan di Linggi itu adalah Kampung Permatang Pasir, Kampung Pengkalan Durian dan Pengkalan Kempas.

"Kami terima aduan terdapat banyak udang dan mati. Ada udang yang 'mabuk' di pinggir tebing dan penduduk yang nampak tidak melepaskan pe-

khususnya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Doreen Wee berkata, pihaknya tidak menafikan kaedah menuba sering digunakan individu tidak bertanggungjawab untuk menangkap ikan dan udang ekoran musim kering yang melanda.

"Ada dua punca berlakunya kejadian udang mabuk iaitu yang pertama akibat faktor meracun serta menuba dan satu lagi kemungkinan hujan terlalu lebat iaitu di kawasan Seremban dan mengalir ke Sungai Linggi menyebabkan ada perubahan keadaan air di Sungai Linggi," katanya lagi.

Kata beliau, sekiranya terbukti berlaku aktiviti menuba atau meracun ikan atau udang di perairan sungai, ia adalah suatu kesalahan di bawah Kaedah-Kaedah Perikanan (Suruhanjaya Perikanan Negeri Sembilan) 1976 Negeri Sembilan dan pelaku boleh didenda maksimum RM20,000 atau penjara maksimum dua tahun atau kedua-duanya sekali.



JETI Pengkalan Kempas, Linggi, Port Dickson menjadi tumpuan kaki pancing yang mahu menangkap udang galah dari Sungai Linggi. - UTUSAN/MOHD. SHAHJEHAN MAAMIN

terdapat kesan seperti dituba seperti kebiasaan iaitu matanya pecah, keadaan udang masih baik. Kami akan terus mengadakan operasi pemantauan di kawasan terlibat

tiar berlakunya kejadian menuba atau meracun oleh pihak tidak bertanggungjawab.

"Bagaimanapun hasil pemerhatian ke atas udang yang diambil penduduk itu kami

uang menyauk hasil sungai yang mempunyai harga tinggi itu.

"Penduduk memberitahu, pada bulan ini sahaja sudah empat kali kejadian udang galah 'mabuk' berlaku. Mereka khua-

21/2/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

7

Penyu agar betina ditemui mati di Pantai Che Wan

Chukai: Seekor penyu agar betina ditemui mati terdampar di Pantai Che Wan, Kijal di sini pagi semalam.

Pengerusi Kelab Geng Plastik Ija Terengganu Zulkefli Sarji berkata, bangkai penyu itu ditemukan ahli persatuannya yang sedang menjalankan program pembersihan pantai bersama pelajar Kolej Vokasional Kemaman kira-kira jam 7.30 pagi.

Beliau berkata, pihaknya sudah membuat laporan kepada Jabatan Perikanan negeri untuk tindakan lanjut.

“Menurut Jabatan Perikanan Negeri, punca kematian penyu agar itu berkemungkinan besar disebabkan terperangkap di dalam pukat pari yang dipasang di laut.

“Seperti semua sedia maklum penyu perlu naik ke permukaan setiap

beberapa jam untuk bernafas. Apabila terperangkap, penyu tidak dapat bernafas dan mati,” katanya.

Menurut Zulkefli, Jabatan Perikanan juga percaya penyu itu naik ke pantai untuk bertelur berdasarkan penemuan telur daripada perutnya yang pecah.

Beliau berkata, penemuan bangkai penyu itu adalah yang pertama oleh ahli kelabnya pada tahun ini dan ia amat dikesali memandangkan penyu merupakan spesies semakin terancam.

Justeru, beliau berharap pihak ber-

kuasa mengambil langkah segera bagi mengelak lebih banyak kematian haiwan yang menjadi warisan marin negara itu.

“Pada tahun ini persatuan kami sudah melaksanakan 26 program gotong-royong membersihkan pantai bersama pelbagai pihak termasuk komuniti, pelajar sekolah dan pihak swasta dalam usaha menjaga khazanah alam.

“Setakat ini, kami ada seramai 800 ahli di seluruh Terengganu, tetapi yang betul-betul aktif lebih 200 orang,” katanya. -Bernama

21/2/2024

25

SINAR
HARIAN
NEGERI
TERENGGANU

Penyu agar betina mati terdampar di Pantai Che Wan

CHUKAI—Seekor penyu agar betina ditemukan mati terdampar di Pantai Che Wan, Kijal, di sini pada Selasa.

Pengerusi Kelab Gang Plastik (ia Terengganu Zulkifli Saifi berkata, bangkai penyu itu ditemukan di pantai yang bersempadan dengan kawasan pemukiman pantai bekas pelajar Kolej Vokasional Kemaman kira-kira 7.30 pagi.

Beliau berkata, pihaknya telah membuat laporan kepada Jabatan Perikanan negeri untuk tindakan lanjut.

Menurut, Jabatan Perikanan Negeri, punca kematian penyu agar itu berkemungkinan besar disebabkan terpengaruh di dalam pukat panti yang dipasang di laut.

"Seperti semua sedia maklum penyu perlu nak ke permukaan setiap beberapa jam untuk bernafas. Apabila terperangkap, penyu tidak dapat bernafas dan akhirnya mati," katanya.

Zulkifli berkata, Jabatan Perikanan negeri juga percayanya penyu itu mati ke pantai untuk bertelur berdasarkan penemuan telur daripada perutnya yang pecah.

Menurutnya, penemuan bangkai penyu itu adalah yang pertama di sini kerana pada tahun 2019 dan 2020, terdapat dua bangkai penyu mautan spesies samakn keramat.

Justeru beliau berharap pihak berkuasa mengambil langkah segera bagi mengelak lebih banyak kematian haiwan yang menjadi warisan marin negara itu.

Apakalipun, di persidangan kami telah dilaksanakan 2000 projek projek corong membolehkan panti-panti bersama sebagai pihak termasuk komuniti, pelajar sekolah dan pihak swasta dalam usaha menjaga khazanah alam.

"Sangat ini kami ada sebanyak 600 ahli di seluruh Terengganu tetapi yang betul-betul aktif tidak 200 orang," katanya. — Bernama

FOTO: PELAKSANA KAWALAN LAUT TERENGGANU



Seekor ahli Kelab Gang Plastik (ia Terengganu bersama penyu agar mautan terdampar di Pantai Che Wan dalam Cukai pada Selasa.

21/2/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

10



PADI yang sudah rosak dan menyembah bumi di Kuala Kurau.

Pesawah bakar padi

Oleh Shaiful Shahrin
Ahmad Pauzi
am@hmetro.com

Ada dalam kalangan terpaksa membakar padi mereka kerana sudah reput dan tidak sesuai lagi dituai.

Ia berlaku apabila kesemua pesawah berkenaan berpuisi mata melihat hasil tanaman mereka mereput dan tidak dapat dituai.

Keadaan itu disebabkan jentuai milik swasta enggan memasuki kawasan terbahit akibat tanah jentuai.

Akibatnya, jentera berkenaan sering terbenam menyebabkan pemilik menanggung kerugian. Pesawah, Anuar Rosli, 34, mendakwa, jentuai yang sebelum ini digunakan 'lari' akibat tidak tahan dengan keadaan tanah jentus.

"Pemilik jentera mendakwa mereka tidak mencapai sasaran tan metrik yang dimahukan dan menanggung kerugian."

"Justeru, mereka maklumkan terpaksa keluar dari kawasan ini dan memandangkan di sana juga padi mula masak selain tanah lebih keras."

"Kami banyak melihat padi mereput' dan ia tidak sesuai untuk dituai secara manual," katanya ditemui selepas menerima bantuan Back To School Yayasan Pelajaran Mara dan Yayasan Bina Upaya Perak di Dewan Komuniti Bagan Serai di sini, semalam.

Menurutnya, perkara itu

"Justeru, mereka maklumkan terpaksa keluar dari kawasan ini dan berpindah ke negeri di utara memandangkan di sana juga padi mula masak selain tanah lebih keras"

Jentuai 'lari' kerana tidak tahan tanah jentus

sudah berlaku dua musim berturut-turut dan memohon kerajaan bertindak bagi memastikan tanah di sini, khususnya di Kerian Laut, pulih berkata, pihak berkaitan perlu mencari alternatif lain pada musim akan datang kerana pesawah bimbang tiada jentuai yang mahu darang akibat faktor tanah jentus.

Sementara itu, Pengurus Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Perak Darul Sham Mat Sahat berkata, pesawah tidak perlu khutir kerana LPP akan membeli beberapa jentuai yang lebih ringan bagi menibolehkan padi dituai di kawasan tanah jentus se-

perti di Kerian Laut. Beliau berkata, ada tiga kawasan di Perak yang membekalkan jentera namun kesemuanya adalah jentera lama dan berat.

"Jentera lama ini masih lagi digunakan di beberapa kawasan yang sesuai. "Namun kita akan membeli beberapa jentera lebih ringan supaya ia dapat digunakan di kawasan tanah jentus," katanya.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan, pesawah di Kerian Laut derita apabila tanah sawah sekali lagi jentus menyebabkan banyak sawah padi tidak dapat dituai.

Pesawah terpaksa menanggung kerugian dua musim berturut-turut menyebabkan mereka berhubung dengan pembeli padi.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

21/2/2024

HARIAN
METRO

LOKAL

11

PESAWAH meninjau keadaan padi sebelum dituai walaupun keadaan cuaca panas yang mengakibatkan tanah sawah kekeringan di Daerah Seberang Perai Utara. - Gambar NSTP/DANIAL SAAD



PANAS 'MAMAM'